Publication: Berita Minggu, p 3

Date: 10 April 2016

Headline: RI emerged winners in junior and senior category in innovation challenge

RI juara kategori junior dan senior kejohanan inovasi

SEKOLAH Raffles Institution (RI) muncul juara dalam kededua kategori junior dan senior dalam satu kejohanan inovasi anjuran Universiti Pengurusan Singapura (SMU) semalam.

Kejohanan Inovasi Belia itu diusahakan Institut Inovasi dan Keusahawanan (IIE) SMU dan semalam merupakan edisi keempatnya.

Dilancarkan pada 2013, kejohanan yang diilhamkan IIE itu bertujuan menggalak pelajar menajamkan minda inovasi mereka daripada peringkat sekolah menengah hingga maktab rendah, kata SMU semalam.

Kementerian Pendidikan (MOE) telah dirujuk tentang format dan kandungan kejohanan tahunan itu, dengan ia dibuka kepada semua sekolah menengah, Institut Pendidikan Teknikal (ITE) dan maktab rendah di Singapura.

Tahun ini, sejumlah 69 pasukan daripada 29 sekolah menyertai kejohanan tersebut.

Bilangan pasukan yang menyertai kategori junior khusus untuk sekolah menengah pula meningkat daripada 24 projek daripada 16 sekolah tahun lalu kepada 33 projek daripada 19 sekolah tahun ini

daripada 19 sekolah tahun ini.
Pengarah IIE, Profesor Arcot Desai Narasimhalu, berkata inovasi dan keusahawanan adalah genting untuk memastikan Singapura terus maju.

Para finalis bagi setiap kategori diadili antara lain berdasarkan rancangan perniagaan mereka, potensi pasaran, kewangan dan operasi.

Dalam kategori junior, Team Col-

laborART dari RI muncul juara sekali gus memenangi hadiah wang tunai \$4,000. Ia mengilhamkan projek Google Docs bagi para seniman dengan mewujudkan wadah yang menggalak mereka bekerjasama.

Pasukan senior RI, Team Step-Charger, pula muncul juara dalam kategori tersebut dan memenangi hadiah wang tunai \$7,000.

Team StepCharger membangunkan tapak kasut yang boleh menghasilkan tenaga elektrik apabila pengguna memijaknya.